

# Malaysia di landasan status negara maju

BERITA HARIAN (28/12/2019) M/S 18

Pertambahan syarikat sektor borong dan runcit jadi penanda aras: Jabatan Perangkaan

Oleh Nasuha Badrul Huzaini  
nasuha@bh.com.my

**Peningkatan** syarikat yang beroperasi dalam sektor perdagangan borong dan runcit ditambah penggunaan internet tinggi dalam kalangan syarikat tersebut menunjukkan Malaysia sedang bergerak ke arah status negara maju, demikian mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia.

Menerusi Laporan Awal Banci Perdagangan Borong dan Runcit 2019 (WRC 2019) yang dilancarkan semalam, Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata bilangan syarikat yang beroperasi dalam perdagangan borong dan runcit berkembang 4.8 peratus kepada 468,930 pada 2018 daripada 370,725 pada 2013.

"Peratusan penggunaan internet dalam kalangan syarikat meningkat kepada 83.4 peratus pada 2018 daripada 72.2 peratus pada 2013," katanya pada sidang media selepas melancarkan Laporan Awal WRC 2019 itu, di Kuala Lumpur, semalam.

Mengenai penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, Mohd Uzir, berkata 89.6 peratus



Mohd Uzir pada sidang media selepas melancarkan Laporan Awal WRC 2019, di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Salhani Ibrahim/BH)

atau 420,380 syarikat menggunakan komputer dalam perniagaan dalam sektor borong dan runcit pada 2018, dengan penggunaan komputer meningkat kepada 89.6 peratus pada 2018 daripada 85.5 peratus pada 2013.

"Ini susulan peningkatan aktiviti e-dagang, termasuk penubuhan syarikat berkaitan e-dagang di negara ini," katanya.

Mohd Uzir berkata, perdagangan borong dan runcit kekal sebagai sektor yang berpotensi dengan pendapatan berkembang pada kadar 8.2 peratus setahun.

Sektor berkenaan menjana jumlah pendapatan RM1.3217 trilion pada 2018 berbanding RM893.2 bilion pada 2013.

Jumlah berkenaan bersamaan dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 8.2 peratus.

Subsektor perdagangan borong muncul sebagai penyumbang tertinggi jumlah penda-

patan pada 2018 iaitu RM672.4 bilion diikuti perdagangan runcit (RM494.9 bilion) dan kenderaan bermotor sebanyak RM154.4 bilion.

"Selain itu, laporan awal berkenaan merekodkan bilangan pekerja yang terbabit dalam sektor berkenaan seramai dua juta pada 2018 dengan gaji dan upah yang dibayar sebanyak RM62.8 bilion.

"Bilangan pekerja mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 3.3 peratus sementara gaji dan upah yang dibayar meningkat 10 peratus," katanya.

Data untuk laporan awalan itu direkodkan bermula Mac hingga September lalu dan data terperinci hanya akan diumumkan pada Februari ini.

Ia memaparkan statistik awalan seperti bilangan pertumbuhan, jumlah pendapatan, jumlah perbelanjaan, jumlah pekerja, gaji dan upah yang di-

bayar serta harta tetap yang dimiliki.

Laporan awalan ini juga boleh dijadikan pengukur daya saing pemain industri sektor perdagangan borong dan runcit dalam melaksanakan perniagaan di negara ini.

Sementara itu, Mohd Uzir berkata, pada 2018, bilangan pertubuhan yang beroperasi dalam sektor perdagangan borong dan runcit adalah 468,930 berbanding 370,725 pada 2013.

"Selangor terus mendominasi jumlah pertubuhan iaitu sebanyak 94,857, meningkat 6.9 peratus berbanding 2013 diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (71,433) dan Johor (46,530).

"Dari segi pendapatan, Kuala Lumpur menyumbang pendapatan tertinggi sebanyak RM391.6 bilion, diikuti Selangor (RM371.7 bilion) dan Johor sebanyak RM101.1 bilion," katanya.